

**UBAT GENERIK**  
ADALAH SAMA DENGAN  
**UBAT INOVATOR**  
DARI SEGI:

1. **BAHAN AKTIF**
2. **KEKUATAN BAHAN AKTIF**
3. **DOS**
4. **KESELAMATAN**
5. **KUALITI**
6. **CARA UBAT BERFUNGSI**
7. **CARA UBAT DIGUNAKAN**



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Terbitan:  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
2014

Untuk maklumat lanjut, sila layari  
[www.knowyourmedicine.gov.my](http://www.knowyourmedicine.gov.my)  
atau hubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan  
di talian bebas tol 1800-88-6722



**ANDA ADA**  
**PILIHAN**

UBAT GENERIK **vs** UBAT INOVATOR

**1 APA ITU UBAT GENERIK?**

Ubat generik adalah ubat yang sama dengan ubat inovator dari segi bahan aktif, keberkesanan, kekuatan, kualiti dan cara penggunaannya. Ubat generik dipasarkan setelah tamat tempoh paten ubat tersebut.

Ubat inovator atau ubat asal adalah ubat baru yang mula diperkenalkan dalam pasaran dan dipatenkan oleh syarikat yang menaja atau menemui ubat tersebut setelah menjalani kajian klinikal dan penyelidikan.

**2 ADAKAH UBAT GENERIK BERKESAN?**

YA. Ubat generik sama berkesan dengan ubat inovator kerana mempunyai bahan aktif yang sama. Ubat generik yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia telah melalui ujian makmal dan ia memberikan kesan terapeutik yang sama seperti ubat inovator. Ia boleh ditukar ganti tanpa berlakunya perubahan ketara terhadap keberkesanan ubat tersebut. Selain daripada itu, kesan sampingan bahan aktif juga sama antara ubat generik dan ubat inovator.

**3 ADAKAH UBAT GENERIK SELAMAT DIGUNAKAN?**

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah menetapkan syarat supaya ubat generik mematuhi aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan seperti yang telah dikenakan terhadap ubat inovator kerana ubat generik mengandungi bahan aktif yang sama. Oleh yang demikian, ubat generik mempunyai kebaikan dan risiko penggunaan yang sama seperti ubat berjenama asal.

**4 ADAKAH PROSES PEMBUATAN UBAT GENERIK SETANDING DENGAN UBAT INOVATOR?**

YA, kedua-dua pengilang perlu menyediakan kemudahan mengilang ubat-ubatan yang mematuhi piawaian Amalan Pengilangan Baik (Good Manufacturing Practice).

**5 MENGAPAKAH HARGA UBAT GENERIK LEBIH MURAH?**

Harga ubat generik lebih murah kerana syarikat yang mengeluarkan ubat generik tersebut tidak perlu mengeluarkan belanja yang mahal bagi membiayai kajian klinikal seperti yang telah dilalui oleh ubat inovator. Selain daripada itu, banyak pengilang farmaseutikal akan mengilangkan ubat generik dan situasi seperti ini akan membawa kesan terhadap penurunan harga ubat generik dalam pasaran.

**BAHAN AKTIF**  
Paracetamol

**CONTOH NAMA DAGANGAN**

Panadol® - Inovator  
Uphamol® - Generik  
Partamol® - Generik  
Poracap® - Generik

**6 APAKAH KEBAJIKAN MENGGUNAKAN UBAT GENERIK ?**

Pengguna akan mendapat manfaat dari segi penjimatan kos rawatan kesihatan kerana harga ubat generik lebih rendah dan mempunyai profil keselamatan, kualiti dan keberkesanan yang sama dengan ubat inovator.

**7 MENGAPAKAH MENGENALI BAHAN AKTIF UBAT ADALAH PERKARA MUSTAHAK?**

Mengenali bahan aktif sesuatu ubat itu penting untuk mengelakkan kekeliruan dalam pengambilan ubat yang boleh membawa kepada situasi gandaan dos dan kesilapan pengubatan. Adalah lebih baik mengenali ubat melalui nama bahan aktif ubat, bukan melalui nama dagangan, rupa atau warnanya. Sentiasa periksa nama bahan aktif sesuatu ubat itu kerana ia adalah nama sebenar ubat. Nama dagangan adalah nama yang diberikan oleh pengilang ubat.

Ubat Generik yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah **SELAMAT, BERKUALITI & BERKESAN**

